



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 8 TAHUN 2005

SKIM PERKHIDMATAN PENGAJAR

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan kerajaan mewujudkan skim perkhidmatan baru iaitu skim perkhidmatan Pengajar Gred U41, U44, U48, U52, U54.

LATAR BELAKANG

2. Pada masa ini tugas-tugas berkaitan dengan pengajaran dalam bidang Sains Kesihatan Bersekutu di institusi-institusi latihan Kementerian Kesihatan Malaysia dilaksanakan oleh pegawai daripada skim-skim perkhidmatan Jururawat Gred U29, U31/U32, U35/U36, U37/U38, U39/U40, Jururawat Pergigian, Juruteknologi Pergigian, Pembantu Farmasi, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran, Pembantu Perubatan, Jurupulih Perubatan, Juruteknologi Makmal Perubatan dan Juru X-Ray masing-masing di Gred U29, U32, U36, U38, U40.

3. Memandangkan pada masa ini tiada skim perkhidmatan yang khusus melaksanakan tugas-tugas pengajaran di institusi-institusi latihan Kementerian Kesihatan Malaysia, maka kerajaan telah bersetuju mewujudkan skim perkhidmatan Pengajar bagi tujuan melaksanakan tugas berkenaan. Pewujudan skim perkhidmatan Pengajar di peringkat Kumpulan Pengurusan dan Profesional adalah selaras dengan kelayakan yang dikeluarkan oleh insititusi-institusi latihan Kementerian Kesihatan Malaysia iaitu di peringkat diploma dan sijil.

SKIM PERKHIDMATAN BARU

4. Skim perkhidmatan Pengajar diletakkan di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan (U) dengan gred gaji U41, U44, U48, U52, U54. Syarat lantikan ke skim perkhidmatan ini ialah ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Lembaga yang berkaitan jika berkenaan. Skim perkhidmatan Pengajar Gred U41, U44, U48, U52, U54 adalah seperti di **Lampiran A**. Contoh iklan jawatan bagi urusan pengambilan adalah seperti di **Lampiran B** dan penghuraian skop tugasnya adalah seperti di **Lampiran C**.

5. Skim perkhidmatan Pengajar juga memperuntuk peluang kenaikan pangkat secara lantikan (KPSL) kepada pegawai sedang berkhidmat. Pegawai dalam skim perkhidmatan Jururawat, Juru X-Ray, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/ Pegawai Kesihatan Persekitaran, Jururawat Pergigian, Juruteknologi Pergigian, Pembantu Perubatan, Pembantu Farmasi, Jurupulih Perubatan dan Juruteknologi Makmal Perubatan diberi faedah untuk meningkat secara KPSL ke jawatan Pengajar Gred U41 tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

6. Berikutan itu, pindaan sewajarnya telah dilakukan ke atas skim-skim perkhidmatan tersebut bagi memasukkan peruntukan KPSL ke skim perkhidmatan Pengajar. Pindaan skim perkhidmatan Jurupulih Perubatan adalah seperti di **Lampiran D** dan Pembantu Farmasi adalah seperti di **Lampiran E**. Pindaan skim perkhidmatan Pembantu Perubatan, Jururawat Pergigian, Juruteknologi Pergigian dan Juruteknologi Makmal Perubatan adalah seperti di Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2004 manakala skim perkhidmatan bersepadu Jururawat adalah seperti di Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2005, skim perkhidmatan bersepadu Juru X-Ray adalah seperti di Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2005 dan skim perkhidmatan bersepadu Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/ Pegawai Kesihatan Persekitaran adalah seperti di Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2005.

7. Mulai tarikh kuat kuasa skim perkhidmatan ini semua lantikan bagi melaksanakan tugas-tugas sebagai pengajar di institusi-institusi latihan Kementerian Kesihatan Malaysia hendaklah menggunakan skim perkhidmatan Pengajar Gred U41, U44, U48, U52, U54 dan syarat lantikan yang ditetapkan hendaklah dipatuhi.

PELAKSANAAN

8. Semua pegawai dalam skim perkhidmatan Jururawat, Pembantu Perubatan, Jururawat Pergigian, Pembantu Farmasi, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran, Juruteknologi Makmal Perubatan, Juru X-Ray, Juruteknologi Pergigian dan Jurupulih Perubatan Gred U32, U36, U38, U40 yang dilantik secara tetap dan sedang menjalankan tugas sebagai pengajar secara sepenuh masa di institusi-institusi latihan Kementerian Kesihatan Malaysia adalah layak ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pengajar Gred U41 mengikut syarat-syarat yang ditetapkan seperti berikut:-

- (a) memiliki kelayakan di peringkat ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan serta telah berdaftar dengan Lembaga dalam bidang yang

berkaitan jika berkenaan;

- (b) bagi pegawai yang tidak memiliki kelayakan di peringkat ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan, disyaratkan mempunyai pengalaman enam (6) tahun mengajar pada tarikh kuat kuasa skim perkhidmatan Pengajar; dan
 - (c) bagi pegawai yang tidak memiliki kelayakan di peringkat ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan dan belum memenuhi syarat pengalaman enam (6) tahun mengajar akan dikekalkan dalam gred dan skim perkhidmatan asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP) sehingga memenuhi syarat tersebut. Tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira hendaklah dalam perkhidmatan tetap tidak termasuk tempoh cuti tanpa gaji.
9. Ketua jabatan hendaklah menghubungi Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mewujudkan jawatan-jawatan baru Gred U41 di bawah skim perkhidmatan Pengajar secara tukar ganti dengan jawatan-jawatan Gred U32, U36, U38, U40 dalam sembilan (9) skim perkhidmatan asal seperti yang disebut di perenggan 8 di atas.

PEMBERIAN OPSYEN

10. Bagi pegawai yang berada dalam skim perkhidmatan Jururawat, Juru X-Ray dan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran yang tidak menerima opsyen untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pengajar yang baru, pegawai akan ditawarkan opsyen untuk ditukar lantik di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2005 bagi pegawai dalam skim perkhidmatan Jururawat, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2005 bagi pegawai dalam skim perkhidmatan Juru X-Ray dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2005 bagi pegawai dalam skim perkhidmatan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/ Pegawai Kesihatan Persekitaran.

11. Manakala bagi pegawai dalam skim-skim perkhidmatan Jururawat, Juru X-Ray dan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran yang tidak menerima opsyen untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pengajar atau skim perkhidmatan bersepadu Jururawat di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2005 atau skim perkhidmatan bersepadu Juru X-Ray di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2005 atau skim perkhidmatan bersepadu Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/Pegawai Kesihatan Persekitaran di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2005, mereka akan dikekalkan dalam gred dan skim perkhidmatan asal secara KUP.

12. Pegawai yang berada dalam skim-skim perkhidmatan Pembantu Farmasi, Pembantu Perubatan, Jururawat Pergigian, Juruteknologi Makmal Perubatan, Juruteknologi Pergigian dan Jurupulih Perubatan yang tidak menerima opsyen untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pengajar yang baru, pegawai akan dikekalkan dalam gred dan skim perkhidmatan asal secara KUP.

13. Dengan berkuat kuasanya skim perkhidmatan Pengajar Gred U41, U44, U48, U52, U54 Pihak Berkuasa Melantik melalui ketua perkhidmatan hendaklah menawarkan opsyen kepada semua pegawai di dalam sembilan (9) skim perkhidmatan yang terlibat seperti dinyatakan di perenggan 8 di atas bagi membolehkan pegawai membuat pilihan. Pegawai yang bersetuju menerima opsyen akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pengajar Gred U41, U44, U48, U52, U54. Pilihan yang dibuat adalah **muktamad**.

14. Pegawai yang terlibat diberi tempoh 30 hari mulai daripada tarikh surat opsyen diedarkan untuk membuat pilihan sama ada menerima atau menolak tawaran ini. Pegawai yang menolak opsyen atau tidak membuat sebarang opsyen atau gagal mengembalikan borang opsyen dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah atau membuat opsyen dengan bersyarat dianggap sebagai tidak bersetuju untuk ditukar lantik ke perkhidmatan baru ini dan kedudukan pegawai adalah seperti berikut:

- (a) pegawai yang berada dalam skim-skim perkhidmatan Pembantu Farmasi, Pembantu Perubatan, Jururawat Pergigian, Juruteknologi Makmal Perubatan, Juruteknologi Pergigian dan Jurupulih Perubatan akan dikekalkan dalam gred dan skim perkhidmatan asal secara KUP;
 - (b) pegawai yang berada dalam skim perkhidmatan Jururawat akan ditawarkan opsyen untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan bersepadu Jururawat di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2005;
 - (c) pegawai yang berada dalam skim perkhidmatan Juru X-Ray akan ditawarkan opsyen untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan bersepadu Juru X-Ray di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2005; dan
 - (d) pegawai yang berada dalam skim perkhidmatan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran akan ditawarkan opsyen untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan bersepadu Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/ Pegawai Kesihatan Persekitaran di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2005.
15. Pegawai di perenggan 14 di atas akan kekal dalam gred dan skim perkhidmatan asal secara KUP sekiranya menolak opsyen atau tidak membuat sebarang opsyen atau gagal mengembalikan borang opsyen dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah atau membuat opsyen bersyarat.
16. Tawaran opsyen ini hanya diberi kepada pegawai yang bertaraf tetap, termasuk mereka yang masih dalam tempoh percubaan serta berada dalam Sistem Saraan Malaysia.
17. Tawaran opsyen ini juga hendaklah diberi kepada mereka yang berada dalam keadaan berikut:

- (a) dipinjamkan atau ditukar sementara;
- (b) sedang bercuti;
- (c) tidak hadir bertugas semasa opsyen dikeluarkan dan berkuat kuasa;
- (d) sedang dalam proses tindakan tatatertib; dan
- (e) sedang menjalani hukuman tatatertib selain daripada hukuman buang kerja.

18. Pegawai yang sedang dalam proses tindakan tatatertib, jika sabit kesalahannya dan dijatuhi hukuman buang kerja dalam tempoh opsyen, maka tawaran opsyen tersebut dengan sendirinya terbatal.

19. Sekiranya surat tawaran opsyen tidak dapat disampaikan, termasuk kepada pegawai yang berada dalam keadaan seperti di perenggan 17, Pihak Berkuasa Melantik boleh menawarkan surat tawaran opsyen dengan memberi tempoh yang sama (30 hari) untuk membolehkan pegawai membuat pilihan, walaupun tempoh opsyen asal telah tamat.

20. Bagi maksud urusan pemberian opsyen, contoh surat tawaran, syarat-syarat pertukaran pelantikan dan borang opsyen adalah seperti berikut:

- (a) **Lampiran F** - surat tawaran pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Pengajar (bagi pegawai yang memenuhi syarat tukar lantik);
- (b) **Lampiran F1** - syarat-syarat pertukaran pelantikan melalui opsyen ke skim perkhidmatan Pengajar;
- (c) **Lampiran F2** - surat jawapan tawaran opsyen pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Pengajar (bagi pegawai yang memenuhi syarat tukar lantik);
- (d) **Lampiran F3** - surat tawaran pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Pengajar (bagi pegawai yang belum memenuhi syarat tukar lantik); dan

- (e) **Lampiran F4** - surat jawapan tawaran opsyen pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Pengajar (bagi pegawai yang belum memenuhi syarat tukar lantik).

21. Tawaran opsyen ini tidak melibatkan pegawai lantikan sementara/ kontrak/ sambilan.

KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN

22. Kaedah penetapan gaji permulaan pegawai yang terlibat ke skim perkhidmatan Pengajar yang baru ditetapkan dari gred asal ke Gred U41 seperti berikut:

- (a) pegawai yang memiliki kelayakan di peringkat ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan hendaklah ditetapkan di matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal di Peringkat 1 (P1) yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip di atas, gaji boleh ditetapkan di Peringkat 2 (P2) dan seterusnya di Peringkat 3 (P3) jika matagaji di Peringkat 2 (P2) masih tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan;
- (b) pegawai yang tidak memiliki kelayakan di peringkat ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan dan mempunyai pengalaman enam (6) tahun mengajar hendaklah ditetapkan di matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal di Peringkat 1 (P1) yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip di atas, gaji boleh ditetapkan di Peringkat 2 (P2) dan seterusnya di Peringkat 3 (P3) jika matagaji di

Peringkat 2 (P2) masih tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan; dan

- (c) pegawai yang tidak memiliki kelayakan di peringkat ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan hendaklah dikekalkan secara KUP dalam gred dan skim perkhidmatan asal. Gaji pegawai hanya akan ditetapkan di matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir jawatan asal di Peringkat 1 (P1) yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa jawatan asal, sehari selepas memenuhi syarat pengalaman enam (6) tahun mengajar yang ditetapkan. Jika matagaji di P1 jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip di atas, gaji permulaan boleh ditetapkan di matagaji tertinggi berhampiran di Peringkat 2 (P2) dan seterusnya di Peringkat 3 (P3) jika matagaji P2 masih tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan;

23. Pegawai yang gaji akhirnya tidak dapat ditampung oleh matagaji mengikut kaedah di perenggan 22 di atas, maka jadual gaji Khas Untuk Penyandang hendaklah dipohon daripada Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

24. Jadual Gaji Matriks bagi skim perkhidmatan Pengajar Gred U41, U44, U48, U52, U54 adalah seperti di **Lampiran G, G1, G2, G3 dan G4**. Contoh kaedah penetapan gaji permulaan adalah seperti di **Lampiran H, H1, H2, H3 dan H4**.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

25. Pergerakan gaji tahunan jawatan asal yang sepatutnya diterima oleh pegawai dalam tahun pertukaran pelantikan itu dikuatkuasakan, hendaklah diberi di jawatan baru kecuali bagi pegawai yang belum memenuhi syarat yang ditetapkan.

TARIKH PERGERAKAN GAJI

26. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) asal bagi pegawai yang terlibat dalam urusan ini hendaklah diubah kepada satu TPG baru pada tahun berikutnya selepas pertukaran pelantikan ini. TPG baru ialah mulai 1 Januari tahun berikutnya. Bagi pegawai yang belum memenuhi syarat pengalaman enam (6) tahun mengajar, TPG baru bagi tahun berikutnya berubah kepada 1 Januari selepas pegawai ditukar lantik ke Gred U41.

ELAUN DAN KEMUDAHAN

27. Pegawai dalam skim perkhidmatan Pengajar adalah layak menerima elaun dan kemudahan yang ditetapkan bagi kumpulan perkhidmatan yang berkenaan seperti surat rujukan JPA(S)(BPO)256/21/3-2 Klt.10(45) SK1(8) bertarikh 24 Mei 2005 atau pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

KAEDAH PELAKSANAAN OPSYEN

28. Bagi melaksanakan opsyen ini, Pihak Berkuasa Melantik, ketua jabatan dan pegawai yang terlibat hendaklah mematuhi kaedah yang ditetapkan seperti berikut:

(a) **Pihak Berkuasa Melantik**

Menawarkan opsyen pertukaran pelantikan kepada pegawai yang terlibat.

(b) **Ketua Jabatan**

(i) menyampaikan opsyen kepada pegawai terlibat;

(ii) memberi penjelasan terperinci mengenai opsyen kepada pegawai yang terlibat dan implikasi keputusan yang dibuat;

- (iii) mengemaskini Kenyataan Perkhidmatan dan Kenyataan Cuti pegawai yang terlibat selaras dengan perubahan-perubahan berkaitan; dan
 - (iv) melaksanakan pekeliling perkhidmatan ini dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh ianya diedarkan dan melaporkan kepada Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam mengenai status pelaksanaan pekeliling perkhidmatan ini.
- (c) **Pegawai Yang Ditawarkan Opsyen**
- (i) membaca dengan teliti dan faham mengenai opsyen sebelum membuat keputusan. Jika terdapat sebarang keraguan, pegawai hendaklah merujuk kepada ketua jabatan untuk mendapatkan penjelasan selanjutnya. Opsyen yang dibuat adalah muktamad;
 - (ii) melengkapkan dua (2) salinan borang opsyen iaitu satu (1) salinan untuk disimpan oleh ketua jabatan manakala satu (1) salinan lagi untuk pegawai berkenaan; dan
 - (iii) mengembalikan borang opsyen dalam tempoh 30 hari mulai tarikh surat tawaran.


TARIKH KUAT KUASA

29. Tarikh kuat kuasa skim perkhidmatan Pengajar Gred U41, U44, U48, U52, U54 ialah mulai **1 Januari 2005**.

PEMAKAIAN

30. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan pekeliling perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI JAMALUDDIN BIN HAJI AHMAD DAMANHURI)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

31 Mei 2005

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Semua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

LAMPIRAN A

SKIM PERKHIDMATAN PENGAJAR

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
TARIKH KUAT KUASA : 1 JANUARI 2005

Gred	Jadual Gaji Matriks				
Gred U41	: P1T1	RM1738.43	-	P1T24	RM4107.61
	P2T1	RM1821.92	-	P2T24	RM4367.76
	P3T1	RM1909.04	-	P3T24	RM4624.28
Gred U44	: P1T1	RM2633.83	-	P1T14	RM4364.13
	P2T1	RM2920.60	-	P2T14	RM4823.93
Gred U48	: P1T1	RM3853.51	-	P1T8	RM5115.54
	P2T1	RM4235.87	-	P2T8	RM5599.54
Gred U52	: P1T1	RM4341.14	-	P1T8	RM5603.17
	P2T1	RM4752.54	-	P2T8	RM6116.21
Gred U54	: P1T1	RM4572.25	-	P1T8	RM5950.44
	P2T1	RM4976.39	-	P2T8	RM6492.52

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
 - (d) telah berdaftar dengan Lembaga dalam bidang yang berkaitan (jika berkenaan);dan
 - (e) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

- SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN**
2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Jururawat, Pembantu Perubatan, Jurupulih Perubatan, Juruteknologi Makmal Perubatan, Juru X-Ray, Jururawat Pergigian, Juruteknologi Pergigian, Pembantu Farmasi dan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran adalah layak dipertimbang untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pengajar Gred U41 tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
- (a) memiliki kelayakan seperti di perenggan 1(c) dan (d) di atas; dan
- (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred U41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
4. Pengajar yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
5. Pengajar boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan yang berkenaan.
- KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN**
6. Pengajar dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
7. Pengajar yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
- (b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**
9. Pengajar hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED U44**
10. Pengajar Gred U41 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pengajar Gred U44 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (d) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U48**

11. Pengajar Gred U44 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pengajar Gred U48 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U52**

12. Pengajar Gred U48 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pengajar Gred U52 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U54**

13. Pengajar Gred U52 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pengajar Gred U54 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

IKLAN JAWATAN

1. (a) Jawatan : Pengajar
- (b) Kementerian/ Jabatan :
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan

2. Jadual Gaji :

	Jadual Gaji Matriks	
Gred U41	P1T1 RM1738.43	- P1T24 RM4107.61
	P2T1 RM1821.92	- P2T24 RM4367.76
	P3T1 RM1909.04	- P3T24 RM4624.28
Gred U44	P1T1 RM2633.83	- P1T14 RM4364.13
	P2T1 RM2920.60	- P2T14 RM4823.93
Gred U48	P1T1 RM3853.51	- P1T8 RM5115.54
	P2T1 RM4235.87	- P2T8 RM5599.54
Gred U52	P1T1 RM4341.14	- P1T8 RM5603.17
	P2T1 RM4752.54	- P2T8 RM6116.21
Gred U54	P1T1 RM4572.25	- P1T8 RM5950.44
	P2T1 RM4976.39	- P2T8 RM6492.52

3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

(d) telah berdaftar dengan Lembaga dalam bidang yang berkaitan (jika berkenaan);

(keutamaan kepada calon-calon yang mempunyai pengalaman dalam bidang-bidang berkaitan)

dan (e) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

4. Taraf Jawatan : Tetap.
5. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai yang memasuki perkhidmatan Pengajar adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
6. Fungsi dan Bidang Tugas : Untuk diisi oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan setiap kali pengiklanan di buat.

**PENGHURAIAN SKOP TUGAS
PENGAJAR GRED U41, U44, U48, U52, U54**

1. PERINGKAT ORGANISASI

Pelbagai jabatan/ agensi kerajaan.

2. RINGKASAN TUGAS

Melaksanakan aktiviti-aktiviti perancangan, penyediaan dan pengurusan latihan tenaga manusia bagi kumpulan paramedik dan auksiliari yang lengkap dan berkesan supaya bekalan tenaga manusia bagi kumpulan paramedik dan auksiliari adalah mencukupi, berkelayakan dan berkualiti untuk menanggung keperluan di sektor awam pada masa sekarang dan akan datang.

3. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

3.1 Aktiviti Latihan.

Bertanggungjawab dalam aspek pengajaran dan pembelajaran bagi subjek yang dipertanggungjawabkan di unit yang berkaitan dengan melaksanakan tugas seperti berikut:

- a. Menyampaikan syarahan.
- b. Menyelia pelatih/ pengajar di bawah tanggungjawab.
- c. Memantau buku log.
- d. Menyediakan kemudahan yang sesuai untuk pengajaran dan pembelajaran.
- e. Memberi bimbingan dan kaunseling kepada pelatih yang dirujuk dari semasa ke semasa.

3.2 Pembangunan dan Perkembangan Akademik.

Bertanggungjawab dalam aspek pembangunan dan penyelarasan subjek yang berkaitan dengan melaksanakan tugas-tugas seperti berikut:

- a. Menilai keberkesanan pengajaran dan pembelajaran berkaitan dengan kandungan subjek berkaitan.
- b. Menjalankan kajian dari semasa ke semasa bagi tujuan merancang program dan menganalisa keperluan subjek di unit berkaitan.
- c. Menyediakan soalan-soalan berkaitan dari hasil pengajaran dan pembelajaran untuk membuat penilaian.
- d. Memastikan pembelajaran berterusan di kalangan pengajar dilaksanakan secara berterusan dari semasa ke semasa.

3.3 Urusan Latihan Amali di Kawasan Klinikal.

Bertanggungjawab memastikan dari segi penjadualan, penempatan dan pengangkutan pelatih berkaitan bagi memastikan latihan amali dapat dilaksanakan seperti yang ditetapkan

- a. Menguruskan dari segi penjadualan, penempatan dan pengangkutan pelatih berkaitan bagi memastikan latihan amali dapat dilaksanakan seperti yang ditetapkan.
- b. Memastikan penempatan pelatih memenuhi keperluan harian.
- c. Melaksanakan penilaian terhadap pelatih semasa berada di kawasan klinikal.
- d. Memantau aktiviti latihan pelatih.
- e. Memantau buku log.

3.4 Pengurusan Pentadbiran.

Bertanggungjawab dalam hal-hal berkaitan pentadbiran dan pengurusan sumber manusia seperti berikut:

- a. Menyelaras semua hal berkaitan cuti pelatih.
- b. Menyelaras dan menyediakan laporan prestasi akademik pelatih.
- c. Menguruskan segala urusan peperiksaan yang berkaitan.

3.5 Lain-lain skop tugas yang ditentukan dari semasa ke semasa.

4. **HUBUNGAN KERJA**

4.1 Dalaman

- a. pegawai di bahagian/ unit yang sama.
- b. pegawai di bahagian lain di dalam organisasi yang sama.
- c. pelatih.

4.2. Luaran

- a. jabatan/ agensi kerajaan.

5. **PERSEKITARAN KERJA**

Dalam dan luar pejabat.

6. **KOMPETENSI YANG DIPERLUKAN**

Mempunyai kemahiran dalam aspek pengajaran.

7. **SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN**

- a. Berketerampilan dan berpengetahuan.
- b. Berkebolehan berkomunikasi dengan baik dan berkesan.
- c. Perwatakan yang baik serta mesra dan boleh bekerjasama.
- d. Berfikiran terbuka dan bersedia membuat anjakan paradigma.
- e. Mempunyai minat yang tinggi di dalam mendidik serta sifat kesabaran yang mendalam.

**SKIM PERKHIDMATAN
JURUPULIH PERUBATAN**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 JANUARI 2005

Gred	Jadual Gaji Matriks				
Gred U29	: P1T1	RM928.55	-	P1T27	RM2445.89
	P2T1	RM985.42	-	P2T27	RM2623.76
	P3T1	RM1044.71	-	P3T27	RM2781.06
Gred U32	: P1T1	RM1567.43	-	P1T20	RM2925.05
	P2T1	RM1683.59	-	P2T20	RM3227.55
Gred U36	: P1T1	RM2445.89	-	P1T11	RM3617.17
	P2T1	RM2616.50	-	P2T11	RM3999.53
Gred U38	: P1T1	RM3023.06	-	P1T8	RM3954.76
	P2T1	RM3304.99	-	P2T8	RM4312.92
Gred U40	: P1T1	RM3555.46	-	P1T7	RM4513.78
	P2T1	RM3893.05	-	P2T7	RM4923.97

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) Diploma Jurupulih Cara Kerja atau Diploma Fisioterapi daripada institusi-institusi latihan Kementerian Kesihatan Malaysia yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U29: P1T6); atau

(ii) Diploma Jurupulih Cara Kerja (*Occupational Therapy*) daripada London School of Occupational Therapy yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U29: P1T7); atau

(iii) ijazah sarjana muda dalam bidang pemulihan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U29: P1T9);

dan (d) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred U29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

3. Jurupulih Perubatan Gred U29 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

4. Jurupulih Perubatan boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN**

5. Jurupulih Perubatan Gred U29 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

6. Jurupulih Perubatan Gred U29 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN**

8. Jurupulih Perubatan hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U32**

9. Jurupulih Perubatan Gred U29 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jurupulih Perubatan Gred U32 yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (e) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U36**

10. Jurupulih Perubatan Gred U32 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jurupulih Perubatan Gred U36 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U38**

11. Jurupulih Perubatan Gred U36 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jurupulih Perubatan Gred U38 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U40**

12. Jurupulih Perubatan Gred U38 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jurupulih Perubatan Gred U40 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
SECARA LANTIKAN
KE PERKHIDMATAN
PEGAWAI PEMULIHAN
PERUBATAN DAN
PENGAJAR**

13. Jurupulih Perubatan yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Pemulihan Perubatan Gred U41 dan Pengajar Gred U41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, JPA(S)71/3 Klt. 2 (3)].

LAMPIRAN E

SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU FARMASI

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 JANUARI 2005

Gred	Jadual Gaji Matriks				
Gred U29	: P1T1	RM928.55	-	P1T27	RM2445.89
	P2T1	RM985.42	-	P2T27	RM2623.76
	P3T1	RM1044.71	-	P3T27	RM2781.06
Gred U32	: P1T1	RM1567.43	-	P1T20	RM2925.05
	P2T1	RM1683.59	-	P2T20	RM3227.55
Gred U36	: P1T1	RM2445.89	-	P1T11	RM3617.17
	P2T1	RM2616.50	-	P2T11	RM3999.53
Gred U38	: P1T1	RM3023.06	-	P1T8	RM3954.76
	P2T1	RM3304.99	-	P2T8	RM4312.92
Gred U40	: P1T1	RM3555.46	-	P1T7	RM4513.78
	P2T1	RM3893.05	-	P2T7	RM4923.97

SYARAT LANTIKAN

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - warganegara Malaysia;
 - berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (i) Diploma Pembantu Farmasi daripada institusi-institusi latihan Kementerian Kesihatan Malaysia yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U29: P1T6); atau
 - (ii) diploma dalam bidang farmasi yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U29: P1T6);

- dan (d) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred U29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
3. Pembantu Farmasi Gred U29 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
4. Pembantu Farmasi boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan yang berkenaan.
- KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN**
5. Pembantu Farmasi Gred U29 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
6. Pembantu Farmasi Gred U29 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**
